

91- Kadang-kadang penafian sesuatu atau larangan daripada melakukannya berlaku secara muqayyad (terikat dan tertentu dengan sesuatu keadaan atau sifat), sedangkan penafiannya atau larangan terhadapnya	قَدْ يَرِدُ نَفْيُ الشَّيْءِ مُقَيَّدًا وَالْمُرَادُ نَفْيُهُ مُطْلَقًا مُبَالَغَةً فِي النَّفْيِ وَتَأْكِيدًا لَهُ.	قاعدة ٩١
---	---	-----------------

secara mutlaqlah yang dikehendaki. Tujuannya ialah bersungguh-sungguh dalam penafian atau larangan dan menguatkannya.		
Keterangan: Salah satu qaedah yang lumrah juga dalam penggunaan bahasa `Arab ialah menafikan sesuatu atau melarang daripada sesuatu secara berqaid (terikat / bersyarat), seolah-olah yang dinafikan atau yang dilarang ialah apabila ada qaid (ikatan / syarat) itu. Dlm keadaan tiada qaid itu tidak pula dinafikan atau dilarang. Padahal yang dimaksudkan dengan penafian atau larangan itu ialah sesuatu yang tersebut itu sendiri, tidak kira sama ada qaid itu ada atau tiada. Tujuannya ialah menyatakan keseriusan dalam penafian atau larangan dan menguatkannya. Antara contohnya di dalam al-Qur'an ialah beberapa firman Allah di bawah ini: (1) وَمَا يَنْتُزِعُ بِمَا أَنْزَلْنَا مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَكُمْ وَلَا تَكُونُوا أَوَّلَ كَافِرٍ بِهِمْ وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا وَإِلَيَّ فَاتَّقُونَ ﴿٤١﴾ Bermaksud: Dan berimanlah kamu dengan apa yang Aku turunkan (Al-Quran) yang mengesahkan benarnya Kitab (Taurat) yang ada padamu; <u>dan janganlah kamu menjadi orang-orang yang mula-mula kafir (ingkar) kepadanya</u>; dan janganlah pula kamu menjual ayat-ayatKu dengan harga yang sedikit; dan hanya kepada Akulah kamu harus bertaqwa. (al-Baqarah:41). Pada zahirnya larangan daripada menjadi orang-orang yang kafir kepada al-Qur'an di dalam firman Allah ini adalah dengan qaid (ikatan atau syarat) “mula-mula kafir (ingkar) kepadanya”, bukan larangan daripada kafir kemudian atau selepas orang-orang lain. Padahal yang dilarang bukan mula-mula kafir sahaja, bahkan kafir selepas orang-orang lain juga. Larangan yang dimaksudkan adalah mutlaq, tidak kira sebelum orang-orang lain atau selepas orang-orang lain. Tujuan dikemukakan larangan dalam bentuk seperti ini ialah untuk menyatakan keseriusan dalam larangan dan untuk menguatkan larangan semata-mata. (2) Di dalam ayat yang sama Allah berfirman:		

... وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا...

Bermaksud: dan janganlah pula kamu menjual ayat-ayatKu dengan harga yang sedikit; (al-Baqarah:41).

Sekali pandang, firman Allah ini tidak melarang daripada menjual ayat-ayatNya kalau dengan harga yang banyak, yang dilarang hanyalah kalau dijual dengan harga yang sedikit. Padahal larangan Allah ini mutlaq, tidak terkait dengan sedikit atau pun banyak. Disebutkan dengan berqaid begitu semata-mata untuk menyatakan keseriusan larangan dan untuk menguatkan larangan.

(3)

وَأَنْذِرْهُمْ يَوْمَ الْأَزْفَةِ إِذِ الْقُلُوبُ لَدَى الْحَنَاجِرِ كَظِيمٍ مَّا لِلظَّالِمِينَ مِنْ حَمِيمٍ وَلَا شَفِيعٌ يُطَاعُ ﴿١٨﴾

Bermaksud: Dan berilah amaran (wahai Muhammad) kepada mereka tentang hari (hari kiamat) yang dekat (masa datangnya), iaitu ketika hati (menyesak) sampai di kerongkongan dengan menahan kesedihan. (Pada saat itu) orang-orang yang zalim tidak akan mempunyai teman setia seorangpun, dan tidak (pula) akan mempunyai seorang pun pemberi syafa'at yang diterima syafa'atnya (pertolongannya). (Mu'min:18).

Secara zahir, firman Allah ini hanya menafikan adanya pemberi syafa'at yang diterima syafa'atnya pada hari itu, namun ia tidak menafikan pula adanya pemberi syafa'at yang tidak diterima syafa'atnya. Padahal yang dinafikan adalah kedua-dua pemberi syafa'at, baik yang diterima syafa'atnya atau yang tidak diterima syafa'atnya. Apa erti adanya pemberi syafa'at yang tidak diterima syafa'atnya?!

(4)

وَمَنْ يَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ لَا بُرْهَانَ لَهُ بِهِ فَإِنَّمَا حِسَابُهُ عِنْدَ رَبِّهِ إِنَّهُ لَا يُفْلِحُ الْكَافِرُونَ ﴿١٧﴾

Bermaksud: Dan sesiapa yang menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah, padahal tidak ada suatu dalilpun baginya tentang itu, maka sesungguhnya perhitungannya (dan balasan amalnya yang jahat itu disediakan) di sisi Tuhannya. Sesungguhnya orang-orang yang kafir tidak akan berjaya. (al-Mu'minūn:117).

“padahal tidak ada suatu dalilpun baginya tentang itu” di dalam firman Allah di atas bukan merupakan qaid (syarat) yang dimaksudkan. Sama sekali tidak boleh disimpulkan daripadanya bahawa ancaman yang tersebut di dalamnya hanya untuk orang yang menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah, dalam keadaan tidak ada suatu dalilpun baginya tentang itu, adapun kalau ia mempunyai dalil, maka tiadalah ancaman tersebut!

Penafian seperti ini tidak lebih daripada menguatkannya semata-mata, kerana memang tiada suatu pun dalil pada orang yang menyembah tuhan yang lain bersama-sama Allah itu.

12/4/23